

Banjir: 2,500 putus hubungan

Oleh **M.RIZAL NOR**
utusanktn@gmail.com

JERANTUT 14 Jan.- Kira-kira 2,500 penduduk termasuk pelancong asing di Kuala Tahan dekat sini terputus hubungan apabila jambatan menghubungkan pekan yang menjadi pintu masuk ke Taman Negara dengan bandar ini tenggelam akibat limpahan air Sungai Ak.

Tinjauan *Mingguan Malaysia* mendapati, air naik sehingga paras 1.5 meter menyebabkan laluan utama menerusi jalan darat ke Taman Negara Kuala Tahan terpaksa ditutup kepada semua lalu-lintas bermula pukul 9 pagi semalam.

Menurut seorang penduduk, **Ali Asra Abd. Rahman**, paras air sungai mula naik kira-kira pukul 7 malam kelmarin ekoran hujan lebat selama beberapa jam.

"Justeru, penduduk di sini mula mengambil langkah berjaga-jaga untuk menghadapi kemungkinan banjir seperti pada 2001 yang menyebabkan ramai mangsa dipindahkan," katanya.

Beliau yang juga bekas Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) berkenaan berkata, air Sungai Ak mula melimpah kira-kira pukul 7 pagi semalam menyebabkan penduduk di kawasan berkenaan terputus hubungan kerana hanya terdapat satu jalan darat menghubungkan Kuala Tahan dengan bandar ini.

"Saya telah menghubungi Pejabat Daerah Jerantut memaklumkan perkara ini dan berharap semua agensi terlibat bersiap sedia untuk menghulurkan bantuan terutama mengeluarkan pelancong asing yang sedang bercuti di Taman Negara.

"Kami terpaksa menubuhkan skuad bantuan dan penyelamat terdiri daripada bomba sukarela, persatuan belia dan Rela untuk membantu penduduk yang terpaksa berpindah sekiranya banjir berlaku," ujarnya.

Menurutnya, mereka kini berdepan masalah kekurangan beka-



PENDUDUK terpaksa menggunakan perahu untuk membawa motosikal setelah Sungai Ak melimpah di Kuala Tahan, Jerantut, semalam.

lan petrol kerana Kuala Tahan tidak mempunyai stesen minyak dan terpaksa ke Felda Sungai Rejang yang terletak kira-kira 25 kilometer untuk mendapatkan bahan api itu.

Dalam pada itu, deretan kedai yang menjual barangan cenderahati dan kraf tangan di tebing Sungai Tembeling terpaksa ditutup kerana paras air semakin meningkat.

Bagi seorang peniaga, **Nazri Mohamad**, 40, dia pergi ke kedainya pada pukul 7.30 pagi untuk meninjau keadaan air dan mula memindahkan barang ke rumahnya yang terletak di kawasan lebih tinggi pada pukul 2 petang kerana bimbang kedai tersebut akan ditenggelami air.

"Saya dan lima lagi peniaga terpaksa mengosongkan kedai kerana

bimbang air naik lebih tinggi dan kedai kami akan ditenggelami air kerana terletak di tebing sungai," jelasnya.

Sementara itu seorang penduduk, **Abdul Wahab Abu Talib**, 44, memberitahu, dia terpaksa membatalkan hasrat untuk menghantar anaknya ke Sekolah Kebangsaan Kuala Tahan semalam setelah menyedari air Sungai Ak mula melimpah.

"Saya tinggal di Kampung Gol tidak jauh dari Kuala Tahan dan tidak dapat menghantar anak ke sekolah kerana bimbang berlaku banjir yang akan menenggelamkan jambatan Sungai Ak," katanya.

Dalam pada itu, Jalan Jerantut-Kuala Lipis dekat Kuala Tembeling turut ditutup kepada semua kenderaan setelah dinaiki air sejak petang semalam.